

# UniMAP Bekerjasama Dengan Institut Teknologi Medan (ITM) Untuk Membangunkan Sumber Manusia



**8hb Mei, 2008** - UniMAP telah bersetuju untuk bekerjasama dengan Institut Teknologi Medan (ITM), Indonesia, dalam membangunkan sumber manusia universiti tersebut sebagai sebahagian daripada program pembangunan sumber manusianya. ITM berhasrat untuk menghantar staf akademiknya yang berkelayakan ke UniMAP untuk menyambung PhD di dalam bulan yang akan datang.

Di dalam mesyuarat di antara ITM dan UniMAP hari ini, ITM telah menyatakan penghargaan kepada UniMAP di atas kesudian UniMAP merealisasikan hasrat mereka. "Kami mempertimbangkan pembangunan sumber manusia yang produktif. Kami telah melihat UniMAP dalam pelaksanaan pembangunan sumber manusianya, dan kami percaya staf akademik yang terlibat akan mendapat impak yang positif di dalam pembangunan ITM di masa akan datang," kata Ir. Mahrizal Masri, Rektor ITM.

Delegasi daripada ITM turut dianggotai oleh Dr. Ir. Ilmi Abdullah, H. Munajat (kedua-duanya Timbalan Rektor), Julfikri Masri, Ir. Mustafa, Dr. Basri Syarif, Ir. Syafriadi dan H. Vivahmi.

ITM telah mengadakan pertemuan awal bersama UniMAP semasa Program IMT-GT di Medan beberapa bulan dulu.